

RM3 bilion laksana EPP

» Peruntukan permulaan projek bawah NKEA

KERAJAAN memperuntukkan sejumlah RM3 bilion untuk melaksanakan projek permulaan (EPP) di bawah 12 Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) pada 2013.

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak, berkata daripada jumlah itu, RM1.5 bilion diperuntukkan bagi projek pertanian seperti sawit, getah, herba bernilai tinggi dan padi.

“Sebanyak RM500 juta diperuntukkan untuk projek ‘River of Life’ bagi mengindahkan Sungai Klang, manakala RM300 juta lagi bagi projek pemulihan rangkaian paip dan pembedungan bagi perkhidmatan serta kemudahan air,” katanya.

Rangsang pelaburan

Perdana Menteri juga berkata, bagi merangsang pelaburan domestik serta mempercepatkan penyertaan syarikat Malaysia dalam rantaian bekalan global, kerajaan menyediakan



**BAJET
2013**

Pengindahan **Sungai Klang** antara projek di bawah NKEA.

Dana Strategik Pelaburan Domestik bernilai RM1 bilion di bawah Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA). “Dana ini bertujuan memanfaatkan aktiviti penyumbahan luar dan pemerolehan teknologi di kalangan syarikat tempayan.

“Kerajaan juga memperkenankan semula insentif pengambilalihan syarikat asing dan kadar cukai khas bagi menggalakkan penyediaan perkhidmatan tempatan bergabung menjadi entiti lebih be-

“

Bagi mempercepatkan penyertaan syarikat Malaysia dalam rantaian bekalan global, kerajaan menyediakan Dana Strategik Pelaburan Domestik RM1 bilion”

Najib Razak,
Perdana Menteri

sar,” katanya.

Pacu pelaburan asing

Perdana Menteri menegaskan, pertumbuhan ekonomi negara akan terus dipacu pelaburan langsung asing dan domestik.

Katanya, dalam tempoh separuh pertama 2012, pelaburan swasta meningkat kepada RM75.3 bilion berbanding RM59.8 bilion bagi tempoh sama tahun lalu.

Aliran itu dijangka berterusan pada 2013 dengan pelaburan swasta dijangka meningkat kepada RM148.4 bilion.